

kafe ahad

kafe ahad

Tasik Kenyir antara destinasi pelancongan yang menjadi pilihan pelancong terutama bagi pencinta alam semula jadi.

Sebagaimana diketahui umum, Tasik Kenyir bukan hanya menarik dari aspek kejernihan airnya yang menghijau dan keindahan bukit yang memukau namun Tasik Kenyir juga tempat rekreasi dan riadah mendamaikan.

Namun, mungkin ada yang beranggapan aktiviti yang boleh dilakukan di tasik buatan manusia itu adalah terhad kepada aktiviti normal di air seperti memancing sahaja.

Walhal dengan kelebihan landskap menarik dan kepelbagaian flora serta fauna yang indah, Tasik Kenyir bukan hanya menjadi pilihan penggemar fotografi malah melangkaui jangkauan itu.

Pelbagai acara kekeluargaan dan lasak boleh dilakukan di sini.

Justeru, penganjuran Tahun Melawat Kenyir 2021 (TMK2021) yang julung kali diadakan pada tahun depan tentunya diisi dengan pelbagai program menarik sepanjang tahun bagi memperkukuhkan lagi Tasik Kenyir sebagai destinasi pelancongan wajib sekiranya berkunjung ke Terengganu.

Penganjuran TMK2021 juga antara lain bertujuan merencanakan kembali ekonomi dan industri pelancongan yang terbantu dek penangan pandemik wabak Covid-19.

Metro Ahad mendapatkan pandangan Pengurus Besar Ketengah, TENGKU AHMAD NADZRI TENGKU MUSA berhubung usaha agensi berkenaan mengangkat Tasik Kenyir sebagai destinasi menarik untuk dikunjungi pada 2021.



GUA Bawah pamer kecantikan pelbagai bentuk stalaktit dan stalakmit yang terbentuk di dalam gua batu kapur.

TAHUN MELAWAT KENYIR 2021

‘PINTU MASUK’ ALAM SEMULA JADI MENAKJUBKAN

Tarikan lain ialah Air Terjun Lasir yang sering menjadi sebutan berhubung air terjunnya yang cantik dan bertingkat-tingkat dengan ketinggian 500 kaki.

Selain itu, beberapa air terjun lain seperti Air Terjun Saok dan Air Terjun Tembat juga merupakan lokasi menarik untuk dikunjungi di Tasik Kenyir.

Apakah tema yang akan diangkat sempena TMK2021?

Tema bagi TMK2021 adalah Kenyir Semula Jadi dan tema ini dipilih bagi menggambarkan Tasik Kenyir sebagai destinasi ekopelancongan yang memiliki alam semula jadi yang menakjubkan.

Bagi pencinta alam, tasik ini menjadi antara pintu masuk ke Taman Negara yang terkenal di serata dunia.

Boleh kongsikan beberapa keistimewaan Tasik Kenyir yang menarik perhatian pengunjung?

Keistimewaan Tasik Kenyir adalah dikelilingi kehijauan alam dengan kepelbagaian flora dan fauna yang menghiasi hutan hujan tropika antara yang tertua di dunia.

Kewujudan gua-gua batu kapur di Tasik Kenyir diibaratkan lukisan alam yang unik.

Titisan air pada batu kapur menghasilkan pelbagai bentuk stalaktit dan stalakmit yang menarik dan unik di Gua Bawah dan Gua Taat di samping merupakan lokasi kajian sejarah yang menemukan artifak penting Zaman Neolitik kira-kira 7000 tahun dahulu.

Tarikan lain ialah Air Terjun Lasir yang sering menjadi sebutan

berhubung air terjunnya yang cantik dan bertingkat-tingkat dengan ketinggian 500 kaki.

Selain itu, beberapa air terjun lain seperti Air Terjun Saok dan Air Terjun Tembat juga merupakan lokasi menarik untuk dikunjungi di Tasik Kenyir.

Apakah kelainan yang diperkenalkan kepada pengunjung sempena TMK2021?

Kelainan yang diketengahkan pada penganjuran TMK2021 adalah kepelbagaian program dan acara menarik yang direncana berlangsung setiap bulan sepanjang tahun 2021 (Januari hingga Disember 2021).

Acara yang dirancang adalah untuk pelbagai lapisan masyarakat dan bakal menarik lebih ramai peminat sukan memancing ekologi yang terdapat di Tasik Kenyir membuka ruang acara sebegini dilaksanakan.

Kepada penggemar aktiviti lasak dan kaki pancing, pelayaran dengan rumah bot yang menawarkan pelbagai pilihan pakej



PENGUNJUNG boleh melakukan pelbagai aktiviti dengan gajah di Kenyir Elephant Conservation Village.

dan jenis adalah pilihan yang sesuai terutamanya pada musim tengkujuh yang sememangnya bagekarn pesta memburu ikan air tawar.

Aktiviti sebegini menjadi lebih mengujakan kerana keseronokan pelayaran dan penginapan di dalam rumah bot memberi pengalaman berbeza dengan penginapan lain.

Selain itu, penganjuran *Kenyir Fishing Grandprix Challenge (Snakehead Battle)* akan menarik peminat sukan memancing ke Tasik Kenyir.

Kepada peminat sukan ekstrem yang lain, pelbagai acara disediakan bersempena TMK2021 seperti *Kenyir Xplore 4x4*, *Kenyir Mount Gagau Challenge*, *Kenyir Fun Ride*, *Kenyir Explore Race*, *Kenyir Open Water Swimming & Stand Up Paddleboard Festival* dan *Jetrace Challenge*.

Bagaimana Tasik Kenyir menyumbang kepada sektor pelancongan di Malaysia khususnya Terengganu?

Insyaa-Allah, dengan adanya penganjuran sebegini yang diatur secara berpanjangan membolehkan sektor pelancongan setempat memberi impak positif kepada penggiat pelancongan seperti homestay, nature guide, pengusaha bot laju, pengusaha

rumah bot dan pengusaha kedai makan.

TMK2021 turut menyediakan ruang kepada usahawan luar bandar mempromosikan produk mereka kepada pengunjung melalui penganjuran Festival Kenyir.

Memandangkan dunia dilanda pandemik wabak Covid-19, pelancongan domestik sememangnya menjadi pilihan dan kapasiti ekonomi dapat dipertingkatkan.

Objektif penganjuran yang memfokuskan hasrat menjadikan Tasik Kenyir sebagai *top of the mind, tourist destination* akan menjadikan lokasi ini setanding dengan lokasi pelancongan lain yang terdapat di Malaysia.

Jumlah pengunjung setiap tahun ke Tasik Kenyir dan sasaran pengunjung sepanjang TMK2021?

Saban tahun, Tasik Kenyir menerima ratusan ribu pengunjung dan sasaran Ketengah melalui penganjuran TMK2021 adalah seramai 600,000 pengunjung untuk tempoh setahun.

Sasaran ini adalah wajar dengan mengambil kira pandemik Covid-19 yang belum pulih sepenuhnya.



PENGALAMAN unik boleh dialami ketika memberi makanan untuk ikan kelah di Santuari Kelah.



MENGINAP di rumah bot antara pengalaman yang perlu dicuba di Tasik Kenyir.



AKTIVITI lasak pasti memberi cabaran baharu kepada pengunjung di Tasik Kenyir.



PENGUNJUNG berpeluang menyegarkan badan di Air Terjun Lasir.

Perkhidmatan rumah bot, aktiviti memancing dan bermain bersama ikan kelah adalah tarikan pengunjung ke Tasik Kenyir, bagaimana Ketengah mempromosikan lagi aktiviti itu supaya menjadi lebih menarik?

Aktiviti tersebut yang merupakan *wow factor* kepada pelancongan di Tasik Kenyir akan dipromosikan dengan lebih rancak oleh Ketengah dan boleh digabungkan dengan pelbagai produk pelancongan dan tempat menarik lain seperti Taman Orkid, Kenyir Elephant Conservation Village dan Taman Herba oleh pengusaha pelancongan dengan mewujudkan pakej menarik yang boleh ditawarkan kepada pengunjung. Di samping itu, kemudahan kepada pengunjung akan terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Harapan yang diharapkan sepanjang TMK2021 dan kata-kata untuk pengunjung?

Adalah menjadi harapan

600,000

Jumlah pengunjung disasarkan sepanjang tahun penganjuran TMK2021

Ketengah agar pengusaha pelancongan serta mereka yang terlibat dalam industri pelancongan di Tasik Kenyir khasnya dan Negeri Terengganu amnya mengambil kesempatan terhidang untuk menawarkan perkhidmatan dan pakej terbaik kepada para pengunjung sepanjang TMK2021 agar percutian di Tasik Kenyir menjadi satu memori yang terbaik kepada mereka.

Penganjuran TMK2021 ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan domestik agar kembali memberangsangkan dan Tasik Kenyir menjadi pilihan utama dalam pilihan pelancongan domestik di Malaysia. Marilah beramai-ramai memeriahkan acara yang direncanakan dan merasai sendiri keunikan dan keindahan alam semula jadi yang terdapat di seluruh Tasik Kenyir.